



## **Kenyataan Media**

**CYBERJAYA  
3 DISEMBER 2022**

### **MCMC ANJUR SESI MEJA BULAT TANDATANGAN DIGITAL BERSAMA INDUSTRI PENJAGAAN KESIHATAN DIGITAL**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Makmal Kawal Selia Perkhidmatan Kesihatan Dalam Talian (OHS RegLab) di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) telah menganjurkan satu Sesi Meja Bulat bagi membincangkan pembangunan dan pelaksanaan teknologi tandatangan digital dalam bidang penjagaan kesihatan digital di Malaysia.

Penerimgunaan tandatangan digital di dalam pelbagai industri dan perkhidmatan kerajaan merupakan salah satu inisiatif yang menyokong pelaksanaan MyDIGITAL. Sesi ini bertujuan mempertingkatkan pemahaman mengenai penggunaan tandatangan digital, terutamanya di dalam bidang penjagaan kesihatan digital. Dalam perkara ini, MCMC sebagai pengawalselia di bawah Akta Tandatangan Digital 1997 (ATD 1997) menyambut baik usaha yang diambil oleh OHS RegLab dalam mempertingkatkan tahap kebolehpercayaan pelbagai perkhidmatan di dalam bidang penjagaan digital dengan menggunakan tandatangan digital ini.

Selain itu, sesi ini juga membincangkan tentang kepentingan mewujudkan garis panduan terhadap penggunaan tandatangan digital dalam kalangan pengguna industri penjagaan kesihatan digital serta penilaian keperluan kawalselia lain di bawah KKM.

Sesi Meja Bulat Industri yang berlangsung pada 1 Disember 2022 di MCMC *Centre of Excellence* (CoE) selama sehari menyaksikan penglibatan panel dari pelbagai pihak berkepentingan termasuk *Malaysian Pharmacist Society* (MPS), *Pos Digicert Sdn Bhd*,

*MSC Trustgate Sdn Bhd, Life Insurance Association of Malaysia (LIAM), Malaysian Medical Association (MMA), International Medical University (IMU), Thomson Hospital dan DOC2US yang berkumpul dalam membincangkan tentang cabaran dan peluang tandatangan digital serta bagaimana penggunaan tandatangan digital akan memperkasakan pendigitalan dalam industri penjagaan kesihatan.*

## **JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV